

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : YB DATO' WIRA MOHD ANUAR BIN MOHD  
TAHIR  
**KAWASAN** : TEMERLOH  
**TARIKH** : 05 OGOS 2020 (RABU)

**SOALAN NO. 43**

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan akan mengaktifkan kuasa *Force Majeure* untuk memberi 'Lanjutan Tempoh Kontrak' kepada projek-projek Kerajaan Persekutuan yang terhenti akibat PKP sepertimana baru-baru ini Kerajaan Negeri Johor telah mengumumkan pemberian 56 hari tempoh Lanjutan Kontrak kerana projek-projek telah terhenti akibat COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan PK 2.4 telah memberi panduan kepada Kementerian/Jabatan kaedah untuk mengeluarkan Lanjutan Masa (EOT) bagi kontrak yang terkesan dengan penguatkuasaan PKP. Menurut perenggan 3.1 kepada PK 2.4, EOT yang disebabkan oleh PKP boleh diberikan secara automatik dan diluluskan di peringkat Pegawai Penguasa/ Pengarah Projek (P.P.) sebagai Pihak Berkuasa Melulus (PBM).

Surat Edaran Ketua Pengarah Kerja Raya bertarikh 22 Jun 2020 memaklumkan tempoh EOT yang boleh diberi secara automatik kepada kontraktor bermula daripada PKP sehingga PKPB iaitu selama 84 hari iaitu daripada 18 Mac 2020 sehingga 9 Jun 2020. Di samping pemberian EOT secara automatik, Pegawai Penguasa/ Pengarah Projek (P.P.) dibenarkan memberi EOT tambahan sehingga tiga puluh (30) hari dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) atas faktor mobilisasi pekerja, jentera dan peralatan oleh kontraktor serta kesediaan tapak bina dan sebagainya, setelah mengambil kira keadaan di tapak bina.

Sekian, terima kasih.